

EMOS perkenal skuter Elit enjin 125cc

UM 24 DEC 2003

ALOR STAR 23 Dis. — Eedaran **Modenas Sdn. Bhd. (EMOS)** hari ini memperkenalkan skuter Elit berkapasiti enjin 125cc yang akan mula dipasarkan pada bulan depan.

Elit 125 yang dijual pada harga RM5,338 (termasuk insurans komprehensif) merupakan model kedua skuter Elit keluaran Modenas selepas Elit 150 yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Ogos lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif EMOS, Nik Danial Nik Mahmood memberitahu, dengan varian skuter Elit itu, Modenas kini mempunyai empat jenis skuter di pasaran iaitu Karisma 125, Elit 150 dan 125 serta Ceria 100.

“Penambahan varian skuter ini memberi pilihan kepada peminat skuter Modenas mengikut cita rasa mereka,” katanya pada sidang media sempena jamuan Hari Raya Aidilfitri bersama media dan kakitangan di Modenas, Gurun dekat sini, hari ini.

Katanya, harga skuter Modenas Elit 125 ini lebih menarik dan kompetitif bagi menyaingi skuter-skuter lain di pasaran.

Skuter baru ini mempunyai reka bentuk dan spesifikasi yang sama dengan Elit 150 cc melainkan kapasiti enjin, katanya lagi.

Elit 125 dikeluarkan dalam dua warna iaitu hitam dan biru, sementara harganya lebih murah daripada Elit 150 (RM5,688).

Nik Danial menjangkakan Modenas Elit 125 akan dapat menguasai sekurang-kurangnya 55 peratus pasaran skuter di negara ini tahun depan atau 500 unit dapat dijual setiap sebulan.

Beliau berkata, mengikut perangkaan, jualan semasa sebanyak 6,183 unit skuter Modenas telah didaftarkan untuk bulan September, Oktober dan November berbanding jumlah pasaran skuter sebanyak 10,783 unit.

“Ini menunjukkan penguasaan pasaran skuter Modenas sebanyak 57 peratus bagi tiga bulan ini,” katanya.

Bagi tahun 2004, EMOS menjangkakan pasaran skuter di Malaysia akan berada di paras 50,000 hingga 55,000 unit dan EMOS menasakan jualan sebanyak 30,000 unit atau 55 hingga 60 peratus penguasaan pasaran, katanya.

Sementara itu, kata Nik Danial, Modenas akan mengeluarkan satu lagi model baru motosikal pada penghujung tahun depan bagi menghadapi persaingan apabila pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 2005.

Katanya, usaha untuk mengeluarkan motosikal baru itu telahpun bermula sejak tiga tahun lalu.

“Dengan pasaran yang begitu kompetitif sekarang di mana motosikal dan skuter dari China dijual dengan harga RM1,000 lebih murah, kemampuan Modenas untuk menguasai pasaran sebanyak 28 peratus menunjukkan produknya berkualiti selain penyediaan servis yang baik selepas jualan,” ujarnya.